



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

Bil.18/2019

### HARI PENAMAAN CALON PILIHAN RAYA KECIL (PRK) DUN N.24 SEMENYIH, SELANGOR

1. Bagi menjalankan Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN N.24 Semenyih, Selangor, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menetapkan tarikh Hari Penamaan Calon pada **16 Februari 2019 (Sabtu)**. **Pusat Penamaan Calon yang ditetapkan adalah di Dewan Seri Chempaka, Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Saujana Impian, Kajang.**
2. Tempoh masa untuk mengemukakan Kertas Penamaan Calon bermula dari jam **9.00 pagi hingga 10.00 pagi**. Kertas Penamaan Calon yang telah lengkap diisi dengan betul boleh dikemukakan kepada Pegawai Pengurus Pilihan Raya oleh salah seorang daripada yang berikut:
  - i) calon dan pencadang dan penyokong; atau
  - ii) mana-mana dua orang daripada mereka; atau
  - iii) mana-mana seorang daripada mereka.
3. SPR mengingatkan kepada bakal-bakal calon yang telah membayar Deposit Pilihan Raya agar membawa resit pembayaran deposit tersebut pada Hari Penamaan Calon sebagai bukti bayaran.
4. Selain itu, mereka yang bertanding mewakili parti politik, adalah diingatkan supaya membawa surat kebenaran daripada parti yang membenarkan mereka menggunakan simbol parti.

5. Untuk memastikan proses penamaan calon berjalan dengan aman, harmoni serta tidak ada gangguan, semua pihak diminta supaya sentiasa mematuhi undang-undang, peraturan, tata etika dan arahan-arahan yang dikeluarkan oleh SPR, Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
6. Seksyen 24A Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5] memperuntukkan mengenai perkara-perkara yang tidak boleh dilakukan semasa Hari Penamaan Calon seperti penggunaan alat muzik/pembesar suara bagi tujuan diayah politik melalui apa-apa cara termasuk menerusi penggunaan kenderaan.
7. Orang ramai juga adalah dilarang menunggu atau berada dalam **jarak 50 meter** dari sempadan pusat penamaan calon. Jika ada mana-mana pihak yang melanggar peruntukan seksyen ini tindakan undang-undang boleh dikenakan.
8. SPR berharap proses penamaan calon akan berjalan lancar dan tidak mengganggu ketenteraman serta keselamatan awam.

Sekian, terima kasih.

**AZHAR AZIZAN HARUN**  
Pengerusi  
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia  
Tarikh : 14 Februari 2019 / 9 Jamadil Akhir 1440H